

Pastikan tiada riba dalam caj PTPTN

KUALA LUMPUR 25 April - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang mengenakan caj perkhidmatan tiga peratus terhadap para pelajarnya perlu memastikan ia bebas daripada segala unsur riba.

Mufti Perlis, Dr. Mohd. Asri Zainul Abidin berkata, caj itu perlu bersifat tetap dan bebas daripada segala unsur yang boleh menganiaya peminjam.

Sehubungan itu, katanya, pihak pengurusan PTPTN perlu mengemukakan segera pelaksanaannya kepada Majlis Fatwa Kebangsaan untuk ditentukan statusnya.

Menurut beliau, langkah itu penting kerana majlis yang dianggotai para mufti seluruh negara boleh memperhalusi status sebenar caj tersebut sama ada ia mempunyai unsur riba atau sebaliknya.

"Ketika ini, masyarakat Islam dalam dilema sama ada caj perkhidmatan yang dikenakan oleh PTPTN itu mempunyai unsur riba atau tidak. Ada pihak yang mendakwa caj ini adalah riba.

"Ada satu lagi pihak mengatakan caj tersebut tidak mempunyai riba dan ia hanya merupakan kos perkhidmatan semata-mata. Isu ini wajib dijelaskan supaya masyarakat Islam tidak terus terkeliru," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, semalam, bahawa kementerian telah meminta majlis fatwa menyemak caj perkhidmatan tiga peratus PTPTN.

Mohamed Khaled berkata, ia bertujuan mengelakkan wujud unsur riba ke atas pinjaman PTPTN yang dikenakan ke atas pelajar.

Isu itu mula tercetus apabila beberapa peminjam PTPTN baru-baru ini menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap caj perkhidmatan tiga peratus daripada jumlah pinjaman yang perlu dibayar semula kepada perbadanan itu selepas mereka tamat pengajian di universiti.

Mohd. Asri berkata, pihak majlis akan meneliti caj itu bersandarkan sumber-sumber syariah sebaik sahaja perkara itu dikemukakan oleh PTPTN.

Tambah beliau, semua ahli majlis akan meneliti cara kutipan pinjaman yang dijalankan serta kaitannya dengan caj tambahan tiga peratus.

"PTPTN perlu mengemukakan formula kutipan pinjaman dan apakah yang sebenarnya dimaksudkan caj perkhidmatan tiga peratus. Adakah ia bersifat tetap atau tidak.

"Pihak majlis sudah tentu akan memperhalusi dari semua sudut sebelum keputusan sama ada caj ini mempunyai unsur riba atau sebaliknya," katanya.

Beliau berkata, apa yang penting sekarang, PTPTN perlu bertindak proaktif dengan menyegerakan usaha mengemukakan isu berkenaan kepada pihak majlis.